



KEMENTERIAN  
**WILAYAH**  
PERSEKUTUAN

**TALKING POINT**

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI-AHLI LEMBAGA  
RAYUAN (PERANCANGAN) DAN LEMBAGA PENASIHAT  
PERANCANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**23 SEPTEMBER 2019 (ISNIN), 3.00 PETANG**

AUDITORIUM KWP, ARAS 1  
BLOK 1, MENARA SERI WILAYAH  
PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera.

**SALUTASI**

- **Yang Berbahagia Datuk Haji Aslam bin Zainuddin**  
Pengerusi Lembaga Rayuan (Perancangan) Wilayah Persekutuan

- Ahli-ahli Lembaga Rayuan (Perancangan) dan Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
  - Timbalan Ketua Setiausaha, ketua-ketua jabatan dan agensi Kementerian Wilayah Persekutuan.
  - Pegawai-pegawai kementerian, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.
- 

1. Terlebih dahulu, dengan penuh takzim saya bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan mengalu-alukan kehadiran semua ahli-ahli Lembaga Rayuan (Perancangan) dan Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan pada petang ini.
2. Sebagai makluman, Lembaga Rayuan (Perancangan) dan Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah ditubuhkan di bawah peruntukan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267). Saya difahamkan kedua-dua entiti ini telah wujud sebelum ini, namun atas sebab-sebab tertentu ianya tidak berperanan secara aktif dalam **melengkapkan sistem dan tadbir urus perancangan** khususnya di kawasan pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Mengambilkira isu-isu yang wujud, bermula pertengahan tahun 2018, pihak kementerian telah mengambil langkah proaktif dengan menggerakkan semula dan mengemaskini fungsi dan peranan kedua-dua entiti ini.

#### **LEMBAGA RAYUAN (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN**

3. Pihak kementerian prihatin dan secara berterusan komited di dalam melaksanakan fungsi dan peranannya bagi memastikan **Matlamat Pembangunan Mampan, Kesejahteraan Rakyat** dan **Kemakmuran**

**Bersama (Shared Prosperity) dapat dicapai.** Selaras dengan matlamat ini, maka adalah menjadi tanggungjawab pihak Kementerian untuk menyelia dan memastikan tadbir urus berkaitan **proses dan prosedur kelulusan perancangan** berada pada tahap yang teratur dan cekap.

4. Dalam hal ini, **penubuhan Lembaga Rayuan (Perancangan)** di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia dan kawasan Wilayah Persekutuan dilihat sebagai satu mekanisme yang penting ke arah mencapai matlamat pembangunan dan tadbir urus bandar. Lembaga Rayuan (Perancangan) akan bertindak sebagai satu '**mahkamah perancangan**' untuk mendengar dan mempertimbangkan kes-kes berkaitan dengan perancangan bandar dan **menjadi platform bagi memudahkan pihak-pihak yang terkilan mengemukakan rayuan** sekiranya tidak berpuas hati dengan keputusan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT), termasuk di bawah pentadbiran DBKL.
5. Bagi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (iaitu di dalam kawasan pentadbiran DBKL), sejumlah **59 kes rayuan** telah didaftarkan, di mana saya dimaklumkan **sesi pendengaran dan perbicaraan pertama** akan berlangsung pada 1 dan 2 Oktober 2019 di Mahkamah Kuala Lumpur. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas usaha semua pihak bagi merealiasikan penubuhan Lembaga Rayuan (Perancangan) Wilayah Persekutuan dan mengharapkan ianya **beroperasi secara cekap, profesional dan berintegriti**.

#### **LEMBAGA PENASIHAT PERANCANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Yang Berbahagia Datuk Seri, Dato'-Dato' dan para hadirin sekalian,

6. Selaras dengan peruntukan Akta 267, **Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan** Kuala Lumpur (LPPWPKL) yang dipengerusikan

oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan untuk memberi khidmat nasihat, pandangan dan idea kepada Menteri Wilayah Persekutuan dalam perkara-perkara berkaitan perancangan bandar khususnya mengenai draf Pelan Struktur dan Pelan Tempatan, kawasan tindakan dan pembangunan serta lain-lain perkara yang dirujuk oleh Menteri dari semasa ke semasa kepada LPPWPKL.

7. Justeru, Lembaga Penasihat Perancangan **boleh berperanan sebagai platform rasmi** bagi memastikan dasar-dasar dan keutamaan yang digariskan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dari segi pembangunan fizikal, alam sekitar, sosial dan ekonomi dapat diterjemahkan di dalam sistem dan proses perancangan bandar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

## **PENUTUP**

8. Pihak kementerian yakin dan percaya dengan wujudnya dua entiti utama yang dianggotai oleh barisan ahli-ahli profesional yang berkaliber dan berpengalaman di dalam bidang masing-masing, maka **ia akan menambah nilai dan pengukuhan kepada sistem dan tadbir urus perancangan bandar**, khususnya di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Saya mengharapkan usaha ini dapat dicontohi oleh **pihak-pihak berkuasa perancangan tempatan di seluruh negara, termasuk kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan**.
9. Akhir kata, bagi pihak kementerian, saya merakamkan **ucapan tahniah dan penghargaan** kepada pengurus, timbalan pengurus dan ahli-ahli di atas perlantikan sebagai ahli Lembaga Rayuan (Perancangan) dan Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.